

No. Ruj: LPIPM:SPT/BSB/01/01/4 klt.2 (6)
Tarikh : 13 Februari 2024**YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN BERKENAAN PEMBERHENTIAN SEKETIKA OPERASI DI BAHAGIAN
STANDARD & BAHAN BINAAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Ibu Pejabat CIDB Malaysia dalam proses berpindah dari Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia ke CIDB 520, The MET Corporate Towers bermula 15 Februari 2024 secara berperingkat. Sehubungan dengan itu, Bahagian Standard & Bahan Binaan akan menghentikan seketika operasi kami bermula **23 Februari 2024 sehingga 27 Februari 2024**.

3. Semua permohonan bagi kelulusan borang Third Party Inspection Body (TPIB), pengeluaran Surat Kebenaran Khas dan sijil Perakuan Pematuhan Standard (PPSi) yang dihantar pada 22 Februari 2024 hanya akan diproses bermula 28 Februari 2024 secara berperingkat.

4. Berikutan dengan itu, pihak kami menjangkakan terdapat kelewatan dalam memproses semua permohonan yang berkaitan. Bagi mengelakkan kelewatan, pihak tuan/puan diminta untuk merancang dan menyerahkan sebarang permohonan sebelum 22 Februari 2024. Pihak kami juga ingin memaklumkan **semua talian telefon tidak akan dapat digunakan bermula 23 Februari 2024**. Sebarang pertanyaan tuan/puan boleh menghubungi kami melalui emel di alamat berikut:

Bil.	Perkara	Emel
1.	Borang TPIB, Surat COA Khas	import.bsbb@cidb.gov.my
2.	Soalan berkaitan prosedur import dan COA	qpass@cidb.gov.my
3	Permohonan PPS bahan binaan tempatan	utp_bahan@cidb.gov.my

Pihak kami juga dapat dihubungi melalui talian am: 03-6206 7000 bermula 1 Mac 2024.

5. Pihak kami memohon maaf di atas kesulitan yang berlaku dan setiap pertanyaan daripada tuan / puan pihak kami akan cuba membantu secepat yang mungkin.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'**'BINA SEMPURNA'****Sr NAZIR MUHAMAD NOR**

Pengurus Besar

Bahagian Standard dan Bahan Binaan

b.p. Ketua Eksekutif CIDB